

ANUGERAH KINABALU – PENGIKTIRAFAN ALAM SEKITAR

“Anugerah Kinabalu – Pengiktirafan Alam Sekitar” merupakan suatu program penganugerahan yang julung kali diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada individu atau organisasi yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dan berkesan dari segi penganjuran dan pelaksanaan program-program yang bertujuan bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kebertanggungjawaban masyarakat di dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada pelbagai golongan sasar di Negeri Sabah. Pengiktirafan ini dapat mendorong dan menggalakkan mana-mana individu dan syarikat/organisasi di Sabah untuk lebih bergiat aktif di dalam menganjurkan program-program atau aktiviti berteraskan alam sekitar yang berimpak tinggi terhadap masyarakat di Negeri Sabah.

Anugerah ini beraspirasi untuk menjadi majlis penganugerahan berprestij yang akan diberikan kepada individu atau organisasi di Sabah dalam mengiktiraf penglibatan aktif dan sumbangan signifikan mereka dalam aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar yang mampu mengubah kehidupan masyarakat serta memastikan kelestarian alam sekitar selaras dengan pembangunan pesat negara.

Anugerah ini telah dilancarkan secara rasminya pada 21 Oktober 2017 sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sabah. Dalam tahun 2018, publisiti dan promosi akan dijalankan bagi mempelawa mana-mana individu atau organisasi menyertai pencalonan anugerah ini. Manakala penganugerahannya akan diadakan bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sabah pada 21 Oktober 2019.

Anugerah Kinabalu merupakan suatu pengiktirafan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sabah, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) Sabah dan PETRONAS. Penganjuran majlis ini akan diurusetikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sabah. Ke kerapannya adalah sekali dalam tempoh 2-3 tahun.

Objektif

Penganugerahan ini diwujudkan bagi:

1. Memberi pengiktirafan kepada individu atau organisasi yang memberi sumbangan signifikan dalam usaha penjagaan alam sekitar di Negeri Sabah.
2. Menarik minat dan perhatian serta menggalakkan penglibatan individu atau organisasi di dalam usaha menerapkan dan membudayakan penjagaan alam sekitar untuk masyarakat di Negeri Sabah dalam kehidupan seharian.
3. Memastikan penganjuran program-program alam sekitar yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di Negeri Sabah adalah berkesan dan berjaya membuat perubahan dan mengubah budaya hidup masyarakat bagi melestarikan penjagaan alam sekitar.
4. Memupuk dan meningkatkan peranan individu dan organisasi dalam mencari penyelesaian kepada isu-isu alam sekitar dan kaedah menangani masalah alam sekitar berkenaan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak dan masyarakat.
5. Menggalakkan penganjuran program-program kesedaran yang memangkinkan usaha-usaha lain oleh masyarakat setempat bagi lebih berdaya saing dan mampu bertahan untuk tempoh masa yang lama selari dengan arus pembangunan negara.

Kategori Penganugerahan

Pihak yang layak menyertai pencalonan bagi penyertaan untuk anugerah ini adalah:

1. Individu (orang perseorangan); atau
2. Syarikat atau organisasi yang berdaftar di Malaysia; atau
3. Media massa; atau
4. Pertubuhan Bukan Kerajaan atau *Non-Governmental Organisation* (NGO).

Hanya satu (1) penerima anugerah utama dan empat (4) penerima kategori/saguhati akan dipilih bagi menerima anugerah ini.

Pihak penganjur boleh jika pada pendapat para panel penilai, tiada calon yang layak dipertimbangkan untuk Anugerah Utama dan Kategori ini berdasarkan sumbangan dan impak program yang telah dijalankan.

Namun, pihak Penganjur masih boleh mempertimbangkan apa-apa bentuk penghargaan lain sebagai dorongan kepada pihak-pihak yang menyertai penganugerahan ini agar lebih bergiat aktif di masa hadapan.

Syarat-Syarat Penyertaan

1. Penyertaan adalah terbuka kepada mana-mana individu* atau organisasi** di Malaysia namun penyertaan adalah terhad kepada aktiviti dan program yang dijalankan di Negeri Sabah sahaja.
2. Penyertaan akan berdasarkan borang penyertaan (borang hasrat) yang boleh diperolehi dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah atau melalui emel bagi tempoh sehingga 20 Disember 2018
3. Individu atau organisasi yang berminat untuk menyertai penganugerahan ini hendaklah mengisi Borang Penyertaan (Lampiran 1) yang boleh didapati di laman web Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar atau dari pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sabah.
4. Borang tersebut perlu dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah selewat-lewatnya pada 31 Januari 2019, jam 4 petang

Kaedah Penilaian

1. Penilaian terhadap program/aktiviti yang dianjurkan oleh individu atau organisasi adalah bagi tempoh 2 tahun iaitu 1 Januari 2017 – 31 Disember 2018
2. Sumbangan dan aktiviti yang dilaksanakan bagi tempoh tersebut perlu dimasukkan ke dalam suatu laporan bergambar yang dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah sebelum 28 Februari 2019 jam 12 tengahari.
3. Dalam tempoh ini, aktiviti dan impak/kesan terhadap golongan sasaran bagi aktiviti tersebut perlu dibuat oleh individu atau organisasi sendiri dan dimasukkan dalam laporan berkenaan.

4. Penilaian adalah berdasarkan laporan yang dikemukakan.
5. Laporan perlu mengandungi semua program/aktiviti yang dilaksanakan, tujuan/objektif penganjuran (problem statement), golongan sasaran, tempoh program dilaksanakan, jumlah peserta, kesan jangka masa pendek dan penjang, analisis keberkesanan program, kelestarian (sustainability) program tetapi tidak terhad kepada aspek-aspek yang dinyatakan ini sahaja.
6. Laporan program perlu bertaip (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) dengan disertakan gambar, keratan akhbar atau sebagainya dengan salinan softcopy (CD) laporan dikepilkan.
7. Pihak Penganjur menerusi panel-panel yang dilantik akan menjalankan proses penilaian terhadap laporan berkenaan termasuk verifikasi di lapangan (jika perlu) bagi menilai impak setelah program dilaksanakan.
8. Individu atau organisasi terbabit dinasihatkan memberi masa yang cukup bagi penganjuran program masing-masing termasuk tempoh bagi menilai keberkesanan dan kelestarian (sustainability) program yang telah dianjurkan.
9. Hanya satu program kesedaran sebaik-baiknya difokuskan dalam satu laporan penyertaan oleh seseorang individu atau sesebuah organisasi tersebut.
10. Individu yang bergiat aktif dalam sesuatu program yang telahpun dihantar untuk penyertaan oleh sesuatu organisasi masih boleh mengemukakan laporan penglibatannya dalam program tersebut. Namun ianya hanya dihadkan kepada seorang individu sahaja bagi setiap organisasi.
11. Penilaian keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Nota:

- Individu bermaksud: sama ada kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, ahli pertubuhan bukan kerajaan, ahli-ahli kesatuan dan sebagainya.
- Organisasi bermaksud: mana-mana organisasi / syarikat / pertubuhan bukan kerajaan, syarikat swasta, syarikat multinasional antarabangsa, kesatuan, pihak media dan sebagainya dan gabungan organisasi adalah dibenarkan.

KRITERIA PENILAIAN (INDIVIDU DAN ORGANISASI) BAGI ANUGERAH KINABALU
ADALAH SEPERTI BERIKUT;

1. Perkhidmatan kepada persekitaran
2. Kepimpinan dan kerja berpasukan (bagi kategori organisasi)
3. Penyertaan dan penglibatan orang awam
4. Masa dan usaha yang digunakan dalam implementasi program
5. Kemahiran pengurusan alam sekitar
6. Impak program kepada komuniti setempat
7. Impak program ke atas kesejahteraan alam sekitar
8. Amalan persekitaran peribadi
9. Kemamanan, konservasi dan pemuliharaan
10. Sokongan yang diterima daripada komuniti setempat dan juga dari kerajaan
11. Bajet dan sumber kewangan yang digunakan
12. Amalan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*)

